| Headline | Selangor perlu bina lebih banyak PPR Exco Pas | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 13 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 293 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,791 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,373 |



# Selangor perlu bina lebih banyak PPR – Exco Pas

**SHAH ALAM 10 Ogos** – Kerajaan PKR Selangor menyambut baik hasrat kerajaan Persekutuan mahu membina lebih banyak Projek Perumahan Rakyat (PPR) memandangkan ramai rakyat daripada golongan kurang berkemampuan di negeri ini tidak berupaya memiliki kediaman sendiri kerana harga rumah terlalu mahal.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar negeri, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, pembinaan PPR perlu disegerakan kerana Selangor menjadi pilihan tempat tinggal mereka yang bekerja di negeri lain, termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Saya telah hadiri beberapa mesyuarat bersama Kerajaan Persekutuan termasuk dengan Jabatan Perumahan Negara bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Mesyuarat Pemantauan Keputusan-keputusan Jabatan Perumahan Negara, justeru kita alu-alukan untuk bina lebih banyak PPR.

"Ada juga program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan kita juga alu-alukan ia dibina di Selangor," katanya.

Beliau yang juga Pesuruhjaya Pas Selangor berkata demikian kepada pemberita selepas majlis makan tengah hari bersama penerima Skim Sewa Milik Selangor (Skim Dana-Sel) di sini hari ini.

Semalam, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar secara sinis menasihatkan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali supaya menghentikan 'lakonan' yang seolah-olah menunjukkan pentadbirannya prihatin dalam menyelesaikan masalah rakyat, khususnya dalam soal perumahan mampu milik.

Noh mahu Mohamed Azmin memberi kerjasama penuh kepada kementeriannya untuk membina sasaran 1,000 unit PPR di Selangor sehingga hujung tahun ini.

Katanya, pembinaan PPR merupakan antara penyelesaian terbaik dalam menangani ketidakupayaan rakyat berpendapatan rendah untuk memiliki kediaman sendiri yang ketika ini dilihat gagal ditangani oleh pentadbiran kerajaan PKR Selangor.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai dakwaan kegagalan kerajaan negeri mengurus PPR Lembah Subang 1 dan menyerahkan kembali pengurusan kepada Kerajaan Persekutuan, Iskandar memberitahu, perkara tersebut akan dibawa ke dalam mesyuarat Exco untuk perbincangan lanjut.

Mengulas dakwaan kerajaan negeri mengenakan kadar premium tanah yang tinggi bagi setiap projek PPR, beliau menjelaskan, isu berkenaan perlu dibawa ke meja perbincangan dan bukannya diperbesar-besarkan dalam media.



ISKANDAR ABDUL SAMAD



KERAJAAN Selangor perlu segera menambah rumah PPR kerana negeri itu menjadi pilihan tempat tinggal mereka yang bekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| Affordable Homes (Affordable Homes) | 1 | 0 | RM 0 |
| Menteri Besar Selangor (Menteri Besar Selangor) | 10 | 0 | RM 0 |
| Parti Keadilan Rakyat (PKR) (Parti Keadilan Rakyat (PKR)) | 9 | 0 | RM 0 |
| Prime Ministers Department (Prime Ministers Department) | 2 | 0 | RM 0 |
| Selangor State Government (Selangor State Government) | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

N/A

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Program inventori di PJ Old Town | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 26 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 249 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,966 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,898 |



# Program inventori di PJ Old Town

**PETALING JAYA 10 Ogos** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) giat melaksanakan program inventori guna tanah di kawasan Seksyen 1, 2, 3 dan 4, PJ Old Town di sini.

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Johary Anuar berkata, langkah itu bertujuan mendapatkan statistik terkini berhubung perubahan guna tanah semasa di kawasan tersebut.

Menurutnya, PJ Old Town telah mengalami banyak perubahan dari segi kegunaan tanah selepas lebih 60 tahun dibangunkan.

"Sebelum ini penggunaan tanah lebih kepada lot kediaman, hari ini bertukar sebaliknya menjadi kegunaan untuk perniagaan dan rumah ibadat.

"Data-data yang diperoleh melalui program inventori ini akan dianalisis selain isu dan masalah yang dikenal pasti kelak akan dijadikan asas kepada cadangan pembangunan pada masa akan datang," katanya ketika berucap dalam sesi taklimat program Inventori Guna Tanah Semasa di Seksyen 1, 2, 3 dan 4 di sini.

Johary berkata, pada tahun 2003 MBPJ telah menyediakan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (RTPJ 1) yang menggariskan syarat dan garis panduan berhubung status kediaman yang ditukarkan kegunaan kepada perniagaan.

"Memang terdapat lot-lot tertentu seperti di Jalan Pasar, Jalan Othman, Jalan Selangor dan Jalan Penchala di kawasan PJ Old Town ini yang dulunya merupakan kediaman dibenarkan ditukarkan kegunaannya kepada perniagaan.

"Bagaimanapun, kebenaran mengubah kegunaan tanah itu masih lagi tertakluk kepada syarat dan garis panduan RTPJ 1.

"Antaranya, aktiviti perniagaan yang dihadkan kepada beberapa jenis tertentu sahaja selain penambahan tingkat dan ruang lantai premis ," katanya.

Menurutnya, pada masa ini terdapat kegunaan tanah dan aktiviti yang dijalankan dikesan tidak mematuhi syarat serta garis panduan perancangan ditetapkan.

Katanya, premis-premis yang terlibat bakal dikenakan tindakan penguatkuasaan sama ada dalam bentuk kompaun mahupun sitaan.

"Penduduk setempat juga diminta memberi pandangan berhubung cadangan pembangunan di kawasan PJ Old Town sepanjang program inventori dijalankan sehingga 20 Ogos ini," katanya.

> **Sebelum ini penggunaan tanah lebih kepada lot kediaman, hari ini bertukar sebaliknya menjadi kegunaan untuk perniagaan dan rumah ibadat."**
>
> **JOHARY ANUAR**
> **Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya**



JOHARY ANUAR (kiri) menunjukkan salah satu lot di kawasan PJ Old Town yang terlibat dalam program inventori selepas sesi taklimat di Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini.

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) (Majlis Bandaraya Petaling | 4 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

**N/A**

Utusan Malaysia - ms26

# MPSJ buka tawaran sewa gerai, pasar

**KUALA LUMPUR 10 Ogos** - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) membuka tawaran kepada orang ramai yang ingin menyewa ruang niaga di gerai atau pasar di bawah pentadbirannya.

Pegawai Komunikasi Korporat MPSJ, Muhammad Azli Miswan berkata, keutamaan akan diberikan kepada penduduk setempat.

Menurutnya, antara unit gerai yang ditawarkan ialah Bazar Rakyat USJ 7, Medan Selera SS 15, Gerai Sementara Puchong Batu 14 dan Medan Selera Taman Perindustrian Puchong Utama.

"Turut ditawarkan di Medan Selera Bandar Bukit Puchong, Medan Selera Unit Perancang Ekonomi (Upen) Taman Kinrara Seksyen 1/11F, Medan Selera Serdang Jaya, Jalan Raya dan Medan Selera (Upen) Jalan Merbuk, Bandar Puchong Jaya," katanya dalam kenyataan akhbar di sini.

Bagi pasar pula melibatkan lokasi di Pasar Moden SS 15, Pasar Bazar Rakyat, Jalan Sk 6/1, Seri Kembangan dan Pasar Awam Batu 14, Puchong.

Mereka yang berminat boleh mendapatkan borang permohonan di laman web rasmi MPSJ di *www.mpsj.gov.my*.

Pemohon perlu menyerahkan borang sebelum tarikh tutup permohonan pada 22 Ogos ini.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Gunalan lega, Selangor ke suku akhir | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Black/white |
| Section | Sukan | Circulation | 171,663 |
| Page No | 28 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 124 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,631 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,893 |



# Gunalan lega, Selangor ke suku akhir

**KUALA LUMPUR 10 Ogos** - Pemangku jurulatih Selangor, K. Gunalan menarik nafas lega apabila tugasan pertamanya selepas mengambil alih tugas Zainal Abidin Hassan bermula dengan kemenangan apabila Red Giants menumpaskan Pahang 3-0 dalam perlawanan keempat Piala Malaysia malam tadi sekali gus layak ke suku akhir.

Kemenangan itu adalah yang pertama untuk skuad Merah Kuning selepas mengharungi detik sukar tewas empat perlawanan berturut-turut dalam saingan Liga Super dan Piala Malaysia.

Bagaikan mendapat semangat baharu, Selangor kembali mempamerkan permainan meyakinkan di Stadium Shah Alam dan permainan hantaran pendek yang diterapkan oleh mereka jelas memperagakan aksi berbeza berbanding sebelum ini yang lebih banyak melakukan hantaran bola tinggi.

"Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pemain kerana telah bermain dengan begitu baik. Walaupun kami dilanda masalah kecederaan, namun barisan yang diturunkan telah memberikan yang terbaik selepas dikritik teruk ekoran empat kekalahan berturut-turut sebelum ini.

"Saya tidak buat banyak perubahan dalam corak permainan yang diterapkan Zainal sebelum ini. Cuma hari ini kita banyak bermain hantaran pendek berbanding melakukan hantaran tinggi," kata Gunalan, yang turut membuat beberapa perubahan.

Gunalan, 51, menafikan yang rombakan dilakukan ke atas kesebelasan utama skuadnya semalam adalah sebagai langkah untuk tidak menurunkan pemain daripada jurulatih terdahulu.

"Tidak...kecederaan Ugochukwu Ukah dan beberapa tonggak membuat saya memberikan peluang kepada pemain lain beraksi seperti S. Subramaniam yang tidak bermain langsung musim ini. Dia telah beraksi baik bersama Rizal Fahmi Rosid di benteng pertahanan.

"Ini boleh dikatakan satu semangat baharu dalam pasukan dan saya harap dapat dikekalkan hingga ke penghujung musim ini," jelasnya.

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup) | 2 | 0 | RM 0 |
| Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League) | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

**N/A**

| Headline | Kekang penyakit bawaan tikus | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 40 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 302 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,151 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,454 |


Realisasi hasrat bekas pelajar SMK Seri Tanjong

Kekang penyakit bawaan tikus

# Kekang penyakit bawaan tikus

## MDKS pergiat kempen, tingkat kesedaran kepada orang awam untuk bersama kawal haiwan perosak

**KUALA SELANGOR** - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) mempergiatkan kempen kawalan tikus bagi membendung penularan penyakit Leptospirosis dan penyakit bawaan makanan dari tikus di daerah ini.

Setiausaha MDKS, Azahari Sairin menjelaskan, pihak berkuasa tempatan (PBT) mempergiatkan Kempen Kawalan Tikus 2016 bagi meningkatkan kesedaran kalangan masyarakat.

Menurutnya, pihaknya mahu kesedaran masyarakat dari segi kesihatan awam dapat digandakan lebih-lebih lagi penyakit bawaan makanan dari tikus ini membahayakan.

"Masalah pembiakan tikus ini perlu dipandang serius lebih-lebih lagi terhadap kepentingan dan keistimewaan daerah ini sebagai syurga makanan selain produk pelancongan utama.

"Kempen ini wajar dilaksanakan bagi mengurangkan masalah orang ramai seperti kemerosotan ekonomi, kerosakan harta benda dan gangguan emosi kepada orang awam," katanya.

Azahari menjelaskan, kerjasama dan sokongan masyarakat setempat amat diperlukan untuk bersama mengawal pembiakan haiwan perosak ini dari masa ke masa.

"Dalam masa sama, orang awam terutamanya pelanggan MDKS perlu melaporkan aduan sekiranya melihat sikap kurang peka pemilik premis makanan terhadap isu kebersihan serta kewujudan tikus di persekitaran kawasan perniagaan.

"Orang ramai digalak menghantar tangkapan tikus sama ada hidup atau mati kepada Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MDKS dengan ganjaran sebanyak RM2 seekor dan bayaran secara tunai.

"Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MDKS menerusi talian 03-32892235 untuk maklumat lebih lanjut," katanya kepada *Sinar Harian*.


AZAHARI


Perangkap tikus giat dipasang di kawasan tumpuan sempena Kempen Kawalan Tikus 2016.

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| Majlis Daerah Kuala Selangor (Majlis Daerah Kuala Selangor) | 1 | 0 | RM 0 |
| Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)) | 2 | 0 | RM 0 |
| Pihak Berkuasa Tempatan Selangor (Pihak Berkuasa Tempatan | 4 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

N/A

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pusat tumpuan pengunjung | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 39 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 128 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,183 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,549 |




# Pusat tumpuan pengunjung

**WALAUPUN** dataran itu dinamakan Dataran Banting, namun ia terletak di Dun Morib sekaligus menambahkan lagi bilangan pusat tumpuan pengunjung dalam dan luar daerah.

Adun Morib, Hasnul Baharuddin berkata, beliau mengalu-alukan pembangunan baharu di kawasan Morib sekaligus mengharapkan kemudahan yang didirikan membantu menaikkan imej kawasan itu.

Menurutnya, tidak dinafikan Kuala Langat masih kekurangan kawasan riadah namun inisiatif MDKL mewujudkan pelbagai kemudahan ternyata menggembirakan pelbagai pihak.

“Saya harap dataran ini dijadikan kawasan pilihan dalam menganjurkan pelbagai program dan aktiviti.


ABDULLAH SANI


HASNUL

“Kita nak tengok semua kawasan riadah atau pembangunan sukan di daerah ini dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat,” katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kuala Langat, Abdullah Sani Abdul Hamid berkata, perubahan di dataran itu sudah lama dinantikan masyarakat.

“Tak dinafikan bila sebut Dataran Banting saja pengguna pasti fikirkan kawasan riadah yang dilengkapi dengan kemudahan bersukan.

“Jadi apa juga kemudahan yang bakal didirikan di situ diharap bantu peminat sukan terutama pengguna trek joging di kawasan itu beriadah.

“Saya nampak kemudah itu dapat memberi semangat baru bagi penduduk untuk terus mengaktifkan gaya hidup sihat, “katanya

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| _MMonly (_MMonly) | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

**N/A**

| Headline | Nafas baharu Dataran Banting | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 39 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 395 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,738 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,214 |



# Nafas baharu Dataran Banting

## MDKL giat jalankan kerja naik taraf fasa ketiga dataran itu demi kemudahan pengunjung

**BANTING** - Penyediaan kemudahan yang terbaik untuk masyarakat merupakan matlamat dan agenda utama Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) selaras dengan kepesatan pembangunan daerah ini.

Yang Dipertuanya, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, melalui usaha berterusan MDKL yang mahukan penduduk daerah ini menikmati satu kemudahan yang lebih kondusif, MDKL kini giat menjalankan kerja-kerja menaik taraf Dataran Banting melalui fasa ketiga dengan pelbagai komponen yang melibatkan keluasan 4,020 meter persegi.

Menurutnya, ia dibina setelah dua fasa terdahulu siap sepenuhnya melibatkan pembinaan *skateplaza* dan *bowl*, *elevated platform* dengan tangga, dinding grafiti dan sebagainya.

Mohd Azhar berkata, bagi memberikan kelainan dan kemudahan kepada pengunjung Dataran Banting, melalui projek fasa ketiga ini, MDKL akan membina *wall climbing* (tembok mendaki tiruan), *walkway* (laluan siar kaki), lampu spotlight, *natural boulder* (batu semulajadi), *softscape*, *galvanised iron box-up lettering*, bangku taman, wakaf, tong sampah, papan tanda dan juga logo MDKL bagi memberi keselesaan kepada pengguna.

"Kerja-kerja naik taraf ini adalah selaras dengan slogan kerajaan negeri, 'Dari Rakyat Untuk Rakyat' dan ia juga sudah semestinya dapat memberikan keseronokan kepada pengunjung yang datang bersama keluarga.

"Pihak MDKL sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dengan pelbagai cadangan dan perancangan bagi memajukan lagi daerah ini agar pembayar cukai menikmati satu kehidupan yang lestari," katanya kepada *Sinar Harian*.

"Jika kita lihat dalam dua projek yang terdahulu, Dataran Banting yang telah dijenamakan semula itu dapat mencuri perhatian pengguna jalan raya apabila dataran tersebut sentiasa dikunjungi oleh pengunjung tak kira masa," katanya.

Katanya, justeru beliau berharap penduduk di daerah ini dapat menggunakan segala kemudahan yang ada dengan sebaik mungkin kerana banyak peruntukan atau wang rakyat yang telah dibelanjakan bagi dinikmati semua pihak.



Kemudahan sukan wall climbing juga bakal menanti pengunjung.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Nafas baharu Dataran Banting | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 39 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 395 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,738 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,214 |



Kerja-kerja pembinaan pelbagai kemudahan fasa ketiga sedang dijalankan.

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| _MMonly (_MMonly) | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

**N/A**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kerajaan negeri bantu peneroka | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 38 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 272 cm² |
| Journalist | NORAFIZA JAAFAR | AdValue | RM 4,640 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,920 |



# Kerajaan negeri bantu peneroka

## Janji bantu selesaikan isu penerokaan di Hutan Kanching

**NORAFIZA JAAFAR**

**SELAYANG** - Kerajaan negeri dalam usaha menyelesaikan isu penerokaan di Hutan Kanching oleh peneroka yang menjadikannya kawasan pertanian sedangkan statusnya telah dirizabkan sebagai hutan simpan kekal sejak 1995.

Exco Kerajaan Negeri, Zaidy Abdul Talib berkata, pihaknya akan mencadangkan mewujudkan program agro-forestry di mana hutan simpan kekal itu dibenarkan untuk aktiviti berbentuk pertanian.

Menurutnya, kira-kira 50 peserta dikenal pasti sebagai peneroka terawal di kawasan tersebut sejak 1985 lagi yang menjalankan aktiviti tanaman dan kolam-kolam ikan.

"Kira-kira 40 hektar tanah diteroka yang tiada status pemilikan dan dianggap salah kerana pencerobohan hutan namun kita bantu mereka meneruskan aktiviti tersebut bagi menggalakkan pertanian.

"Dokumentasi mengenainya akan diperincikan untuk memastikan mereka adalah peneroka asal dan mengenal pasti keluasan yang digunakan bagi membolehkan rujukan dan bantuan bersesuaian disalurkan," katanya.

Dalam perkembangan lain beliau turut mengulas berkenaan galakan kerajaan negeri kepada rakyat menjalankan aktiviti pertanian termasuk kelonggaran permohonan permit sementara bagi tujuan itu.

"Mereka boleh kenal pasti tanah lapang kemudian buat permohonan untuk permit sementara untuk penggunaan pertanian atau kebun rakyat.

"Di Bandar Baru Selayang juga telah dikenal pasti untuk projek fertigasi cili dan terung untuk dimajukan penduduk setempat dan sebanyak RM20,000 disalurkan untuk suntikan modal," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Karnival Infratani di Bandar Baru Selayang Sabtu lalu melibatkan sesi penerangan setempat dan menyelesaikan terus masalah atau mencari solusi selain mengenal pasti projek berpotensi untuk dimajukan.

Program juga adalah langkah promosi bagi ekspo pertanian Agrofest yang akan dijalankan pada 20 Oktober hingga 23 Oktober di Pantai Morib.

Memasuki tahun ketiga penganjuran Karnival Infratani, beliau berkata pemilihan lokasi kali ini menumpukan kawasan pinggiran bandar yang turut berpotensi untuk mengembangkan aktiviti pertanian seperti kebun rakyat meskipun ruang terhad.



Zaidy menyampaikan sumbangan Food Stamp kepada penerima Dun Taman Templer semasa program Karnival Infratani.

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| EXCO Selangor (YB Tuan Haji Zaidy Bin Abdul Talib) | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

**N/A**

| Headline | Peluang bekas peneroka miliki rumah | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 36 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 186 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,173 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,518 |


RM3,000 sebulan rawat Darwish

Peluang bekas peneroka miliki rumah

# Peluang bekas peneroka miliki rumah



Iskandar bersama penerima Skim Dana Sel, semalam.

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri Selangor meraikan 86 keluarga pada program Skim Dana Sel di Pangsapuri Rimba Jaya, di sini, semalam.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, Skim Dana Sel atau Skim Sewa Milik/Sewa Beli adalah skim penjualan rumah kos rendah kepada pembeli yang terdiri daripada peneroka bandar yang terpilih dengan kaedah pembayaran sewaan bulanan dan akhirnya peneroka akan mendapat milikan selepas jumlah pembayaran sewa mencukupi dengan harga jualan rumah.

"Skim ini dilancarkan tahun lalu dan pelaksanaan bermula pada tahun ini dengan peruntukan RM10 juta.

"Sebanyak 238 unit rumah kos rendah dibina untuk pelaksanaan skim ini," katanya.

Menurutnya, harga jualan rumah ialah RM35,000 sahaja berbanding harga asal iaitu RM42,000.

Beliau berkata, perbezaan RM7,000 adalah subsidi yang ditawarkan kerajaan negeri.

Iskandar berkata, untuk permulaan, Skim Dana Sel menawarkan kepada bekas peneroka bandar di dua lokasi iaitu di Ken Rimba Jaya, di sini dan Sungai Sering, Ampang.

"Sejumlah 118 penduduk di Ken Rimba Jaya, telah disenaraikan dan layak ditawarkan Skim Dana Sel. Seramai 34 keluarga telah menerima kunci untuk fasa pertama, fasa berikutnya akan dilakukan segera selepas proses dokumentasi selesai," katanya.

Iskandar berkata, kerajaan negeri juga telah membelanjakan RM33.3 juta peruntukan untuk program Skim Ceria.

"Skim Ceria untuk baik pulih bangunan dan L-Ceria untuk pembaikan lif," katanya.

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| Selangor State Government (Selangor State Government) | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

**N/A**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kerajaan negeri buka pintu | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 36 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 47 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 463 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,389 |


RM3,000 sebulan rawat Darwish
Peluang bekas peneroka miliki rumah

# Kerajaan negeri 'buka pintu'

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri Selangor mengalu-alukan kerajaan persekutuan membina rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) di negeri ini.

Exco kerajaan negeri, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, perkara itu pernah dibangkitkan pihaknya pada mesyuarat di peringkat persekutuan yang melibatkan Jabatan Perumahan Negara.

"Saya alu-alukan pihak persekutuan bina PPR di negeri ini dan bukanlah kita tidak mahu bekerjasama," katanya.

Menurutnya, penduduk yang mendiami Selangor datang dari seluruh Malaysia.

"Perlulah ada kerjasama antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

"Kita sediakan perumahan untuk mereka yang gerakkan ekonomi negara, bukan sahaja ekonomi Selangor," katanya.

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| Selangor State Government (Selangor State Government) | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

**N/A**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bersatu bukti demokrasi subur | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 35 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 179 cm² |
| Journalist | NURUL FIRDAUS KHARI | AdValue | RM 3,053 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,160 |



# Bersatu bukti demokrasi subur

## Penubuhan parti baharu bukan ancaman

■ NURUL FIRDAUS KHARI

**KUALA LANGAT** - Tidak timbul soal diancam atau tidak apabila Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) diwujudkan tetapi ia menyuburkan lagi proses demokrasi kepada negara dan rakyat.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Abdullah Sani Abdul Hamid berkata, dengan adanya parti baharu itu rakyat bebas memilih yang mana lebih bersesuaian dan tindakan melebar luas dari segi pemikiran juga boleh dibentuk.

Menurutnya, ia bukanlah satu ancaman kepada Pakatan Harapan namun menunjukkan perkembangan positif terutama di Selangor.

"Objektif kita hanya nak tumbangkan Umno itu sahaja...Jadi tak timbul pun soal tergugat atau apa-apa.



ABDULLAH SANI

"Saya fikir ahli-ahlinya juga merupakan ahli yang dilabel sebagai serpihan Umno jadi tak salah ada nafas baru dalam perkembangan politik ini," katanya mengulas mengenai kewujudan parti baharu itu.

Bagi Adun Morib, Hasnul Baharuddin berkata, parti baharu itu mengikut demokrasi dan sebenarnya tiada masalah langsung.

Katanya lagi, jika parti itu mempunyai kerjasama dengan Pakatan Harapan ia tidak mempunyai masalah namun jika membuat haluan sendiri itu boleh mendatangkan masalah.

"Mengenai pecah undi jika parti ini wujud saya tak pasti sebab apa yang kita lihat mereka ini ke arah Pakatan Harapan tapi tak tahulah pada masa akan datang.

"Tapi kita haraplah dengan parti baru ini rakyat boleh buka mata dengan melihat kembali apa yang berlaku termasuk perkembangan politik yang ada itu menyebabkan ramai ahli Umno keluar untuk mengikut parti lain pula," katanya.

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| Parliament of Malaysia (Parliament) | 4 | 0 | RM 0 |
| Telekom Malaysia Bhd (TM Berhad) (Telekom Malaysia Bhd (TM | 1 | 0 | RM 0 |
| UMNO (UMNO) | 3 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

N/A

| Headline | 441 murid daftar Tunas terima bayaran | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 43 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 164 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,797 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,391 |



# 441 murid daftar Tunas terima bayaran

**RAWANG** - Kira-kira 58 Tadika melibatkan 441 kanak-kanak Skim Tadika Selangor (Tunas) menerima sumbangan cek bagi zon Gombak yang disempurnakan Adun Rawang, Gan Pei Nei, baru-baru ini.

Menurutnya, sebanyak 33 Tadika dengan 169 kanak-kanak di kawasan Rawang berdaftar di bawah Tunas sejak diperkenalkan pada 2013 dengan peruntukan RM87,890.

"Program ditumpukan untuk kanak-kanak Tadika dan pra-sekolah daripada keluarga berpendapatan kurang RM3,000 dan bersesuaian dengan Rawang yang merupakan kawasan pinggir bandar.

"Kita sasarkan lebih banyak Tadika dan ibu bapa boleh mendaftarkan anak mereka supaya mendapat manfaat subsidi RM50 setiap bulan yang bukan hanya dapat mengurangkan beban malah menyediakan pendidikan awal kepada anak-anak," katanya.

Beliau berkata, program Tunas ini juga bukti manifesto yang dibawa semasa kempen pilihan raya sebelum ini ditunaikan dan rakyat mendapat manfaat.

"Jika lihat peruntukan dikeluarkan saban tahun bagi program Tunas ini, angkanya sentiasa bertambah bermula RM1 juta sehingga RM5 juta sekarang. Peruntukan tambahan juga bakal dikeluarkan jika terdapat lebihan permohonan daripada rakyat.

"Program Tunas ini bukan hanya saluran peruntukan ke peringkat bawahan sebaliknya menggalakkan lebih banyak Taska dan Tadika berdaftar dengan agensi berkaitan bagi memastikan sistem pembelajaran yang dibawa bertepatan dengan aspirasi negara," katanya.




Pei Nei menyampaikan sumbangan cek kepada pendaftar program Tunas diwakili pengusaha Tadika.

Powered by: isentia

## GIST(ENGLISH)

N/A

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Baiki segera lampu jalan | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 40 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 42 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 414 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,242 |


Realisasi hasrat bekas pelajar SMK Seri Tanjong

Kekang penyakit bawaan tikus

# Baiki segera lampu jalan

**IJOK** – Keprihatinan pihak berwajib diperlukan bagi membantu membaiki kerosakan lampu di jalan utama di daerah ini yang mengundang masalah kepada pengguna terutamanya penunggang motosikal.

Pengadu, Saiful Azmi Mohd Taib, 28, berkata, kebanyakan lampu jalan rosak dan terjuntai akibat dirosakkan haiwan liar seperti monyet.

"Bukan satu, tapi banyak jalan di kawasan Ijok, Bestari Jaya, Kampung Kuantan yang berdepan masalah ini dan berharap pihak berwajib dapat membaikinya dengan segera.

"Jadi saya harap kalau boleh, kerajaan negeri dapat melihat permasalahan ini dan membantu menyelesaikan isu kerosakan lampu jalan yang memberi kesan buruk kepada pengguna," katanya.

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| _MMonly (_MMonly) | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

**N/A**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Marcote sedia kendali The Red Giants | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Sukan | Circulation | 125,514 |
| Page No | 43 | Readership | 947,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 268 cm² |
| Journalist | Syafiq Aznan | AdValue | RM 9,238 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,715 |



# Marcote sedia kendali The Red Giants

Penyelia metodologi Atletico Madrid itu mahu cabaran baharu di Liga M

**Oleh Syafiq Aznan**

**syafiq.aznan@bh.com.my**

Kuala Lumpur

Penyelia bahagian metodologi Atletico Madrid, Ramon Marcote yang disebut-sebut sebagai salah seorang calon jurulatih baharu Selangor bersedia untuk kembali beraksi di Liga Malaysia (Liga M) andai The Red Giants benar-benar mahukan khidmatnya.

Beliau yang pernah mengemudi Kedah musim lalu mengakui tidak terkejut apabila mendapat tahu namanya sebagai calon jurulatih Selangor menggantikan Zainal Abidin Hassan.

"Saya tidak terkejut kerana khabar angin seperti ini adalah perkara biasa dalam bola sepak. Saya juga pernah dikaitkan dengan beberapa pasukan sebelum ini.

"Namun, sekurang-kurangnya ini membuktikan apa yang saya lakukan bersama Kedah musim lalu berjaya menarik perhatian kelab besar seperti Selangor.

**Sedia dengar tawaran kontrak**

"Dengan pengalaman ketika berada di Kedah, saya sedikit sebanyak sudah masak dengan cara hidup di Malaysia, jadi apa salahnya saya mencari pengalaman baharu di sana? (Malaysia)," katanya ketika dihubungi di Madrid, semalam.

Pengendali kelahiran Sepanyol itu berkata, sehingga kini masih belum menerima tawaran rasmi daripada FAS.

"Saya sentiasa bersedia untuk mendengar apa-apa kontrak yang ditawarkan kerana itulah kerja seorang jurulatih.

"Jika ada kontrak rasmi yang ditawarkan, saya akan mempertimbangkannya," katanya.

Beliau yang membantu Kedah ke pentas final Piala Malaysia musim lalu selepas menggantikan ketua jurulatih Helang Merah, Tan Cheng Hoe yang mengikuti kursus kejurulatihan di China 'berpatah arang' dengan Persatuan Bola Sepak Kedah (KFA) apabila menolak tawaran kontrak baharu pada awal musim ini.

"Apa yang ditawarkan oleh KFA itu tidak berbaloi dengan sumbangan yang saya berikan selepas membawa Kedah ke pentas final Piala Malaysia," katanya.

Marcote adalah seorang daripada jurulatih asing yang disenaraikan sebagai calon jurulatih baharu bagi menggantikan Zainal yang dipecat, awal minggu lalu.

Selain Marcote, beberapa nama jurulatih asing yang disenaraikan termasuk bekas jurulatih Bengaluru FC, Ashley Westwood; bekas pengendali Johor Darul Ta'zim (JDT), Fandi Ahmad dan bekas pengendali Kelantan, Steve Darby.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Marcote sedia kendali The Red Giants | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Sukan | Circulation | 125,514 |
| Page No | 43 | Readership | 947,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 268 cm² |
| Journalist | Syafiq Aznan | AdValue | RM 9,238 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,715 |




**Fakta nombor**

**5 CALON**

jurulatih asing ditawarkan FAS untuk ganti Zainal Abidin Hassan

Powered by: isentia

## VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---|---|---|
| Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup) | 2 | 0 | RM 0 |
| Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League) | 1 | 0 | RM 0 |

## GIST(ENGLISH)

N/A

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Selangor kembali dapat rentak kemenangan | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 11 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Sukan | Circulation | 197,202 |
| Page No | 62 | Readership | 875,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 248 cm² |
